

ARKIB : 03/12/2010

### **Hibrimas jagung manis terbaik**

Oleh SYUKRI SHAARI  
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 2 Dis. - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyarankan semua petani yang terlibat dalam penanaman jagung manis supaya menggunakan hibrid baru yang dinamakan Hibrimas kerana ia mampu meningkatkan keluaran hasil tanaman mereka.

Menterinya, Datuk Seri Noh Omar berkata, Hibrimas merupakan baka terbaik jagung manis pernah dihasilkan negara dengan kandungan manisnya sekitar 15 peratus selain tahan kepada serangan penyakit.

Menurutnya, selain dapat meningkatkan produktiviti, hibrid baru itu mampu meningkatkan hasil dan kualiti industri jagung negara.

"Seperti yang kita semua ketahui, jagung manis merupakan salah satu tanaman kontan atau jangka pendek yang amat digemari oleh pekebun kecil.

"Malah, ia mempunyai nilai potensi yang tinggi berbanding tanaman kontan lain seperti ubi kayu dan tebu. Saya yakin dengan penghasilan baka baru jagung manis ini akan memberi impak serta melonjakkan industri jagung negara ke satu tahap yang lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan majlis pengisytiharan Hibrimas, pelancaran Laman Ramuan serta buku bertajuk *Laman Edibel: Konsep dan Inovasi* pada Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2010 di Serdang hari ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), Datuk Dr. Abd. Shukor Abd. Rahman.

Menurut Noh, hibrid jagung itu mampu mengeluarkan hasil sebanyak 20 tan sehektar dengan anggaran 500 tongkol dalam satu-satu masa.

Katanya lagi, tempoh matang tanaman itu juga amat singkat berbanding jagung biasa iaitu boleh dipetik seawal 65 hari selepas ditanam.

"Jagung mempunyai permintaan yang tinggi di negara ini kerana setiap bahagian pada tanaman tersebut mempunyai kegunaannya. Justeru, kajian telah dijalankan untuk menghasilkan Hibrimas bagi memenuhi permintaan tersebut," jelasnya.